



EIZAIRI SAMUDIN | BERTTA MINGGU

SULTAN Sharafuddin Idris Shah dan Tun Abdullah bergambar bersama penerima ijazah pada majlis konvokesyen UPM ke-33 di Serdang, semalam.

Graduan dinasihati rajin 'meneroka'

Penerima anugerah Profesor Emeritus gesa mahasiswa buang sikap mudah puas hati

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

SERDANG: Mahasiswa perlu mempunyai sikap membentuk fikiran seterusnya menentukan tindakan terbaik dan untuk terus maju kita tidak seharusnya mudah berpuas hati dengan apa yang dicapai, kata penerima anugerah Profesor Emeritus sempena Majlis Konvokesyen ke-33 Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr Muhamad Zohadie Bardaie, di sini, semalam.

"Lebih baik kita gagal dalam usaha meneroka sesuatu yang lebih bermanfaat daripada berdiam diri saja kerana khuatir menemui kegagalan. Inilah sikap yang

perlu ada dalam diri graduan kerana anda adalah pemangkin masa depan negara.

"Graduan juga perlu sentiasa mencari jalan mengatasi batasan yang ada demi kesejahteraan negara dan saranan saya kepada ibu bapa, berilah pendidikan sempurna kerana ia adalah seribu kali lebih baik daripada meninggalkan harta kepada anak-anak, jadi dorong mereka sehingga mencapai kejayaan," katanya ketika berucap pada sesi kedua majlis konvokesyen itu, semalam.

Hadir sama, Pro Canselor UPM, Tan Sri Dr Nayan Ariffin dan Tan Sri Lim Ah Lek; Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Prof Emeritus Tan Sri Dr Syed Jalaluddin Syed

Salim serta Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.

Penerima Hadiah Pingat Emas Canselor, Noorhalizam Mohamad Noor dari Bachelor Sains Pertanian, menyifatkan kejayaannya itu hasil tiga prinsip diamalkannya iaitu pengurusan masa yang baik, pengurusan kewangan sistematik serta menjaga perhubungan dengan orang lain.

"Saya yakin ia adalah bidang satu bidang yang mampu meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar seiring dengan penduduk bandar dan potensinya amat besar jika kita pandai mengadaptasi teknologi dengan pengetahuan diri sendiri," katanya.